



## Gagal pakai pelitup muka masih kena kompaun

Nurul Hidayah Bahaudin  
[nurul.hidayah@hmetro.com.my](mailto:nurul.hidayah@hmetro.com.my)

Kuala Lumpur: Polis Diraja Malaysia (PDRM) menafikan dakwaan bahawa pihaknya tidak lagi mengeluarkan kompaun bagi kesalahan tidak memakai pelitup muka seperti sebaran mesej, hari ini.

Ketua Komunikasi Korporat PDRM Asisten Komisioner Skandaguru Anandan berkata, pihaknya menegaskan bahawa prosedur operasi standard (SOP) fasa peralihan ke fasa endemik Covid-19 bertarikh 1 April lalu masih lagi berkuatkuasa dan pemakaian pelitup muka adalah diwajibkan di tempat awam.

"Justeru itu, polis masih meneruskan tindakan kompaun jika terdapat mana-mana pihak yang melanggar SOP terbabit di bawah peruntukan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).

"Pihak polis menasihatkan orang ramai untuk mematuhi SOP yang ditetapkan dalam usaha mengekang penularan wabak Covid-19," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Terdahulu, terdapat portal media melaporkan dakwaan bahawa polis akan menghentikan tindakan saman kepada orang ramai yang gagal memakai pelitup muka di khalayak ramai.

**Disiarkan pada: April 21, 2022 @ 7:21pm**